

NO. SOALAN : 21

PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN : Minta Perdana Menteri menyatakan apakah pendirian Kerajaan dalam menangani tindakan pihak tertentu yang menyalahgunakan hak kebebasan bersuara yang boleh menggoyahkan perpaduan masyarakat dan agama di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Konsep kebebasan bersuara sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan hendaklah diamalkan dengan penuh bertanggungjawab dan tidak menimbulkan sebarang ketegangan dalam kalangan rakyat. Kebebasan dan hak bersuara tanpa batasan pasti akan mengundang reaksi balas daripada pihak yang tersinggung.

Pendirian Kerajaan adalah jelas bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang sengaja menyalahgunakan hak kebebasan bersuara membangkitkan sensitiviti kaum dan memecahkan keamanan melalui undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Kerajaan akan sentiasa menyampaikan penerangan secara berterusan bertujuan mendidik dan menyedarkan rakyat tentang kepentingan hidup bersatu padu dalam suasana yang aman dan damai serta menyampaikan maklumat yang tepat agar tidak diputarbelit oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab untuk kepentingan pihak tertentu.

Adalah dipercayai bahawa melalui langkah-langkah, kepekaan dan kerjasama semua rakyat jelata, keharmonian dan perpaduan akan dapat terus dipupuk, keamanan dan kebahagiaan dikekalkan untuk manfaat semua rakyat dan generasi yang akan datang, selaras dengan hasrat Wawasan Negara dan Gagasan 1 Malaysia.